



BIODATA

Nama : INDRA SURJATI

Alamat : JL. KIAI TAPA NO.1, GROGOL, JAKARTA, 11440 INDONESIA

Tarikh Lahir : 16 OKTOBER 1956

Tempat Lahir : BANGKOK, THAILAND

Jawatan : DEKAN FAKULTAS TEKNOLOGI INDUSTRI UNIVERSITAS TRISAKTI JAKARTA, INDONESIA


e-mail : nnsubto@cbn.net.id

Akademik : IJAZAH SARJANA MUDA (TELEKOMUNIKASI) UNIVERSITAS TRISAKTI, JAKARTA, INDONESIA.

IJAZAH SARJANA (TELEKOMUNIKASI) UNIVERSITAS TRISAKTI, JAKARTA, INDONESIA.

Pengalaman : DEKAN FAKULTAS TEKNOLOGI INDUSTRI KETUA LAB PENGURUSAN LISTRIK KETUA JURUSAN TEKNIK ELEKTRO.

Oleh : Azizi Mohd Yusof



INDRA SURJATI

"Saya kagum dengan KUKUM"

Penampilannya persis seperti wanita kolar putih biasa di kota besar Jakarta. Berambut paras bahu, berkulit sawa matang. Tampang kejawaan pada raut wajahnya begitu dominan. Orangnyanya cukup sederhana. Saya lihat terukir sedikit keletihan pada wajahnya. Ya, mungkin perjalanan beribu batu dari negara yang mempunyai penduduk seramai 240 juta orang itu melelahkannya. Dia mengatur langkah ditemani dua teman, Ir.Gunawan dan Angline Shinta Dewi ke negeri Perlis Indera Kayangan.

Siapa sangka ibu kepada tiga cahayamata ini sudah 19 tahun menabur bakti mencurahkan ilmu pada anak bangsa. Pengalaman yang diraih berbelas tahun mengajar dan mendidik menarik perhatian saya. Walaupun jadual lawatannya begitu padat beliau tetap sedia meluangkan sedikit waktu untuk ditemubual. Saya cukup teruja dan dia sentiasa tersenyum. Ikuti ditemubual ini.

MK: APA PENDAPAT ANDA TENTANG MALAYSIA DAN PERLIS?

Indra: Saya dapati Malaysia ini lebih bersih berbanding Indonesia. Rakyatnya juga begitu disiplin dan tertib. Semasa tiba di Kuala Lumpur, saya dapati masalah kesesakan jalanraya hampir sama seperti di Jakarta. Namun keadaan berubah apabila tiba di Kangar, Perlis ini. Lebih aman dan tenang. Mungkin berbeza kerana orangnya lebih sedikit tidak seperti di Jakarta yang terlalu padat (ketawa dan tersenyum).

MK: Ceritakan sedikit tentang latar belakang anda?

Indra: Saya berusia 48 tahun, lulusan Sarjana Muda (S1) dan Sarjana (S2) dari Universitas Trisakti. Saya mula mengajar di Trisakti sejak tahun 1985. Sebaik tamat pengajian saya terus bekerja di Universitas Trisakti. Pertama, saya menjadi Ketua Praktikum. Kemudian dinaikkan pangkat menjadi Ketua Lab dan kini menjadi Ketua Jurusan Teknik Elektro di Fakulti Teknologi Industri, Universitas Trisakti.

MK: Sebagai tenaga pengajar yang berpengalaman apa pendapat anda tentang kualiti cabang ilmu kejuruteraan antara Malaysia dan Indonesia kalau mahu dijadikan perbandingan?

Indra: Maaf, saya tidak berapa tahu tentang bidang kejuruteraan disini. Ini kali pertama saya berkunjung ke Malaysia dan juga Kangar sendiri. Apa yang boleh saya katakan kalau mahu dibandingkan secara jujur, negara saya agak ketinggalan terutama dari segi kemudahan prasarana. Selepas dibawa melawat dan diberikan penerangan oleh Prof. Madya Dr. Zul Azhar tentang Makmal Teknologi Mikropemproses dan Makmal PCB sebentar tadi kita boleh lihat makmal disini begitu canggih dan bagus dengan segala perisian komputer yang ada. Kami agak ketinggalan dari segi kemudahan itu.

MK: Bagaimana dari segi kualiti pendidikan itu sendiri?

Indra: Kalau dari segi kualiti pendidikan mungkin tidak ketinggalan cuma peralatan makmalnya sahaja. Mungkin kalau disini satu pelajar satu komputer tetapi tidak di negara saya.

MK: Jurusan kejuruteraan sering dianggap sukar oleh sesetengah pelajar disini menyebabkan ramai pelajar tidak berminat memohon kursus tersebut. Apa komen anda?

Indra: Di Indonesia kami tidak mempunyai masalah tersebut. Di sana kami sudah mempunyai pelajar yang baik kerana nilai kredit pelajar disesuaikan dengan indeks prestasi. Jadi setiap mahasiswa pada setiap semester

mempunyai indeks prestasi semester. Keputusan indeks mereka itu akan menentukan jumlah kredit yang boleh diambil bagi setiap semester. Selain dari itu apabila kemasukan mahasiswa baru ke Trisakti kami akan memberikan taklimat bagaimana cara belajar yang baik. Ini adalah kerana pembelajaran dan suasana dari Sekolah Menengah Umum (SMU) dan Sekolah Menengah Atas (SMA) nyata berbeza dari universiti. Maka kami akan memberikan bimbingan kepada mereka.

Selain dari itu di sana terdapat ujian kemasukan universiti pada peringkat SMA. Jadi pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan yang terbaik akan dipilih memasuki universiti kerajaan yang terbaik seperti Universitas Indonesia (UI), Universitas Padjajaran, Bandung atau Universitas Gadjahmada, Jogjakarta. Bagi Universitas Trisakti pula ia adalah universiti swasta yang terbesar di Indonesia. Maka di sini apa yang boleh kita lihat pelajar-pelajar itu ditapis dahulu sebelum diterima masuk ke mana-mana universiti begitu juga dengan pemilihan kursus.

MK: Jadi bagaimana caranya untuk menjadi pelajar jurutera yang baik?

Indra: Pelajar harus tahu konsep bukan menghafal. Kalau menghafal kita akan lupa. Maka bila tahu tentang konsep ia akan jadi mudah.

MK: Apakah masalah utama pelajar kejuruteraan?

Indra: Saya lihat ramai pelajar lemah dalam subjek matematik. Ramai pelajar terpaksa mengulang subjek itu hingga beberapa semester.

MK: Justeru apa cara terbaik untuk mengatasi kelemahan tersebut?

Indra: Mungkin semasa di SMA kalau di Indonesia atau 'high school' di Malaysia ini pelajar harus menguasai subjek tersebut. Selain daripada itu matrikulasi itu sendiri adalah 'platform' yang terbaik buat pelajar menguasai subjek matematik.

MK: Bagaimana pula cara untuk bergelar jurutera yang baik selepas tamat pengajian?

Indra: Di samping akademik yang baik mereka juga harus mempunyai skil. Jadi pelajar harus mempunyai dua unsur ini untuk menjadi jurutera yang baik. Bukan hanya mempunyai nilai gred yang baik sahaja. Ia harus seiring.

MK: Apa pendapat ibu tentang KUKUM itu sendiri?

Indra: Walaupun cuma baru sekejap saja di sini saya lihat KUKUM itu satu universiti yang baik terutama dari segi kemudahan prasarana yang begitu canggih.

MK: Apa harapan anda hasil dari lawatan ini?

Indra: Kalau boleh saya harap kita boleh sering membantu antara satu sama lain. Sebagai contohnya di Trisakti sendiri kami kekurangan perisian. Mungkin KUKUM boleh membantu kami dari aspek tersebut. Saya juga berharap kita boleh melakukan pertukaran pelajar di masa akan datang seperti mana yang telah saya bincangkan dengan rektor semasa bertemu beliau tadi. Saya bercadang menghantar pelajar-pelajar semester akhir Universitas Trisakti melakukan 'final assessment' ke sini supaya mereka mendapat pendedahan yang lebih luas. Jadi saya berharap hubungan kerjasama ini boleh dimulakan segera walaupun bermula dengan bidang yang kecil. Itu harapan saya.

